

Pemuda tidak mahu

KUALA LUMPUR, Ahad – Pergerakan Pemuda Umno bersetuju berdialog dengan Jawatankuasa Rasyon Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqui), tanpa menyentuh hak keistimewaan orang Melayu.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda Umno tidak akan berkompromi dengan Suqui dengan membincangkan atau menyentuh hak istimewa yang termaktub dalam Perlembagaan.

"Inilah kenyataan pokok yang harus dipersetujui

Suqui sekiranya mereka berhasrat berdialog, kerana hak-hak istimewa orang Melayu tidak harus serta tidak boleh dibincangkan.

"Saya sudah memaklumkan perkara itu kepada beberapa pemimpin Suqui yang ditemui dua hari lalu," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Hishammuddin berkata, apa yang akan dibincangkan ialah sebahagian daripada 83 tuntutan yang bersifat universal seperti usaha membanteras gejala rasuah, kehakiman dan ketelusan dalam pentadbiran.

Beliau berkata, Pemuda

Umno tidak akan membincangkan isu yang menyentuh perkara sensitif itu kerana tujuan sebenar berdialog adalah untuk mengurangkan ketegangan.

Ditanya mengapa beliau mahu mengadakan dialog sedangkan pemimpin Suqui sudah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi masih tetap dengan tuntutan mereka, beliau berkata:

"Keadaan ketika pertemuan di antara pemimpin Suqui dan Perdana Menteri mungkin berbeza dengan sekarang.

bincang hak istimewa

B.1 25 DEC 2000

"Hari ini orang Melayu melalui pelbagai pertubuhan menyatakan rasa tidak berpuas hati dengan tuntutan Suqui secara serius dan Pemuda Umno pula mengambil inisiatif menyelesaikan masalah itu secara berdialog," katanya.

Hishammuddin berkata, sekiranya langkah itu gagal menyelesaikan masalah, sekurang-kurangnya Pemuda Umno sudah berusaha menyelesaikan masalah tuntutan berkenaan bagi mengelak sebarang tidak diingini berlaku.

Sebarang pertelingkahan kaum, katanya, tidak

akan menyelesaikan masalah tetapi menyebabkan perpaduan dan keharmonian yang dinikmati selama ini terancam.

Bagaimanapun, katanya, Pemuda Umno tetap berusaha menyelesaikan masalah itu seperti menarik rambut dari dalam tepung, agar rambut tidak putus manakala tepung pula tidak berselerak.

Mengenai desakan pemimpin veteran Umno yang mencadangkan dialog itu tidak diteruskan, Hishammuddin berkata, golongan terbabit mungkin beranggapan Pemuda

Umno akan semua tuntutan, termasuk hak keistimewaan orang Melayu.

"Kita tetap berdiri teguh dan tidak akan berkompromi mengenai hak-hak orang Melayu," katanya.

Hishammuddin berkata, sekiranya Suqui tetap berkeras dan terus menyentuh sensitiviti orang Melayu, beliau akan menyokong perhimpunan, termasuk yang dianjurkan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Katanya, walaupun perhimpunan tidak dapat menyelesaikan masalah teta-

pi sekurang-kurangnya boleh menyedarkan Suqui bahawa orang Melayu serius dengan perkara itu.